

FORSANEC 60mg (Etoricoxib Film-Coated Tablets)

FORSANEC 90mg (Etoricoxib Film-Coated Tablets)

FORSANEC 120mg (Etoricoxib Film-Coated Tablets)

Etoricoxib (60 mg, 90 mg & 120 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan FORSANEC
2. Bagaimana FORSANEC berfungsi
3. Sebelum mengambil FORSANEC
4. Cara menggunakan FORSANEC
5. Semasa menggunakan FORSANEC
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan FORSANEC
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan FORSANEC

Doktor telah memperskripsikan FORSANEC untuk:

- Merawat osteoarthritis.
- Merawat reumatoid arthritis.
- Merawat spondilitis ankilos.
- Melegakan rasa sakit selepas menjalani prosedur pergigian yang kecil.
- Merawat senggugut.
- Merawat serangan gout.
- Sakit belakang kronik (30mg & 60mg)

Osteoarthritis ialah sejenis penyakit sendi. Osteoarthritis berlaku akibat kemusnahan beransur-ansur pada rawan yang melindungi hujung-hujung tulang lalu mengakibatkan rasa sakit, radang, rasa sakit apabila bergerak, kekakuan dan ketidakupayaan fizikal.

Arthritis reumatoid ialah sejenis penyakit kronik yang menyebabkan rasa sakit, kekakuan, bengkak dan hilang fungsi pada sendi serta radang pada organ-organ yang lain di dalam tubuh.

Spondilitis ankilos ialah sejenis penyakit radang tulang belakang dan sendi yang besar.

Gout ialah sejenis penyakit yang dicirikan oleh serangan rasa sakit dan radang yang berulang-ulang dan berlaku secara tiba-tiba pada satu sendi atau lebih.

Anda boleh dapatkan maklumat selanjutnya daripada doktor ataupun daripada ahli farmasi kerana mereka ada maklumat yang lebih terperinci.

Bagaimana FORSANEC berfungsi

FORSANEC terangkum dalam kumpulan ubat yang digelar perencat khusus COX-2 yang digunakan untuk mengurangkan rasa sakit dan radang. FORSANEC bukan bahan narkotik.

Sebelum mengambil FORSANEC

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan makan FORSANEC jika anda:

- Alah terhadap mana-mana bahanya.
- Pernah mengalami kegagalan jantung, serangan jantung, pembedahan pintasan, sakit dada, arteri yang sempit atau tersumbat pada hujung-hujung anggota, strok atau strok kecil.
- Tekanan darah tinggi yang belum dikawal dengan rawatan.

-Sebelum mula mengambil

Beritahulah doktor tentang apa-apa masalah kesihatan atau alergi yang pernah atau yang sedang anda alami, termasuklah:

- Sejarah berlakunya angina, serangan jantung atau arteri jantung yang tersubmat.
- Arteri yang sempit atau tersumbat pada hujung-hujung anggota.
- Penyakit ginjal (buah pinggang).
- Penyakit hati.
- Dehidrasi, misalnya akibat muntah-muntah atau cirit-birit yang berpanjangan.
- Sejarah pendarahan dari perut atau ulser didalam perut.
- Kegagalan jantung.
- Tekanan darah tinggi.
- Bengkak akibat penakungan bendalir tubuh.
- Tindak balas alergi terhadap aspirin atau ubat antiradang yang lain (lazimnya digelar NSAID).
- Sejarah berlakunya strok atau strok kecil.
- Keadaan yang meningkatkan risiko anda mendapat penyakit arteri koronari atau aterosklerosis seperti tekanan darah tinggi, diabetes, aras kolesterol tinggi atau tabiat merokok.
- Rawatan jangkitan yang sedang anda jalani. FORSANEC tablet boleh menyembunyikan demam, iaitu suatu tanda jangkitan.
- Mendapat asma (Lelah), radang hidung dan/atau gatal-gatal atau gegata kerana menggunakan aspirin atau NSAID.
- Dispepsia (ketakcernaan).

FORSANEC 60mg (Etoricoxib Film-Coated Tablets)

FORSANEC 90mg (Etoricoxib Film-Coated Tablets)

FORSANEC 120mg (Etoricoxib Film-Coated Tablets)

Etoricoxib (60 mg, 90 mg & 120 mg)

Etoricoxib boleh menyebabkan tindak balas yang teruk pada kulit. Antara simptomnya ialah kulit yang beruam, melepuh dan mengelupas. Ini mungkin tanda-tanda penyakit yang serius. Jika tindak balas begini berlaku, berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Penggunaan oleh kanak-kanak:

FORSANEC tablet belum lagi dikaji pada kanak-kanak dengan secukupnya. Oleh itu, FORSANEC tablet tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak.

Penggunaan oleh warga tua:

FORSANEC tablet sama baik keberkesanannya pada pesakit dewasa yang tua mahupun yang muda. Kesan sampingan mungkin lebih kerap berlaku dalam kalangan pesakit yang lebih tua berbanding dengan pesakit yang muda. Jika anda warga tua (iaitu berusia 65 tahun ke atas), doktor akan mengawasi anda dengan sewajarnya. Dos tidak perlu diubah bagi pesakit yang tua.

Penggunaan semasa hamil dan semasa menyusukan anak:

Beritahu doktor jika anda

- Sedang atau bercadang hendak menyusukan anak dengan susu badan. Tablet FORSANEC boleh memudahkan janin dan tidak boleh digunakan oleh wanita yang sedang cuba menjadi hamil ataupun yang telah menjadi hamil semasa masih menerima rawatan.
- Sedang atau merancang untuk menyusukan anak dengan susu badan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda mestilah memberitahu doktor tentang semua ubat yang anda makan atau yang anda bercadang hendak makan, termasuklah ubat yang anda peroleh tanpa preskripsi. Doktor boleh memastikan bahawa ubat anda bertindak dengan baik jika anda menggunakan:

- Warfarin (ubat pencair darah).
- Rifampin (sejenis antibiotik).
- Bahan diuretic (tablet yang menyurutkan cecair badan).
- Perencat ACE dan penyekat reseptor angiotensin (ubat-ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi dan kegagalan jantung).
- Lithium (sejenis ubat yang digunakan untuk merawat sejenis kemurungan).
- Ubat pencegah kehamilan.
- Terapi penggantian hormon.
- Methotrexate (sejenis ubat yang digunakan untuk menyekat system imun).

FORSANEC tablet boleh dimakan bersama dengan aspirin dos rendah. Jika anda sedang memakan aspirin dos rendah untuk mencegah serangan jantung atau strok, jangan berhenti memakanya tanpa menanya doktor kerana FORSANEC tablet tidak boleh menggantikan aspirin bagi tujuan ini.

Cara menggunakan FORSANEC

-Berapa banyak harus digunakan

FORSANEC tablet hendaklah dimakan sekali sehari. FORSANEC tablet boleh dimakan dengan atau tanpa makanan. Doktor akan menentukan dos FORSANEC tablet yang harus anda makan dan tempohnya.

Untuk merawat osteoarthritis:

- Dos yang disyorkan ialah 30mg atau 60mg sekali sehari.

Untuk merawat reumatoid arthritis:

- Dos yang disyorkan ialah 60mg sekali sehari, dan boleh dinaikkan ke 90mg sekali sehari jika perlu.

Untuk merawat spondilitis ankilos:

- Dos yang disyorkan ialah 60mg sekali sehari, dan boleh dinaikkan ke 90mg sekali sehari jika perlu.

Untuk merawat rasa sakit akut:

- Dos yang disyorkan ialah 90mg atau 120mg sekali sehari. FORSANEC hanya sepatutnya digunakan selama tempoh kesakitan akut itu, tanpa melebihi 8 hari.

Untuk melegakan serangan gout dan untuk merawat senggugut:

- Dos yang disyorkan ialah 120mg sekali sehari dan sepatutnya digunakan hanya semasa tempoh rasa sakit yang akut.

Untuk melegakan rasa sakit selepas pesakit menjalani prosedur pergigian yang kecil:

- Dos yang disyorkan ialah 90mg sekali sehari.

Dos yang melebihi dos yang disyorkan bagi setiap penyakit sama ada tidak menunjukkan keberkesanan yang lebih tinggi ataupun belum lagi dikaji. Oleh itu, jangan makan melebihi dos harian yang dinyatakan bagi setiap penyakit diatas ini. Jika

FORSANEC 60mg (Etoricoxib Film-Coated Tablets)

FORSANEC 90mg (Etoricoxib Film-Coated Tablets)

FORSANEC 120mg (Etoricoxib Film-Coated Tablets)

Etoricoxib (60 mg, 90 mg & 120 mg)

anda menghidap penyakit hati yang ringan atau sederhana teruk, doktor mungkin memberi anda preskripsi yang lebih rendah ataupun menasihatkan agar anda tidak menggunakan FORSANEC.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan uab ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Cuba makan FORSANEC tablet seperti yang dipreskripsikan. Walau bagaimanapun, jika anda terlupa memakan satu dos, jangan makan dos tambahan. Teruskan sahaja jadual anda seperti biasa pada keesokan hari.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda termakan dos yang melebihi preskripsi, hubungi doktor dengan segera.

Semasa menggunakan FORSANEC

-Perkara yang perlu dilakukan

Hubungilah doktor anda jika:

- Mana-mana simptom yang berikut timbul atau bertambah teruk: sesak nafas, sakit dada atau bengkak pada pergelangan kaki. Hentikan rawatan anda dengan FORSANEC tablet dan jumpalah doktor dengan secepat mungkin.

- Anda minghamidapi penyakit ginjal, hati atau jantung, doktor akan mengawasi anda dengan sewajarnya.
- Anda mengalami apa-apa simptom yang mungkin disebabkan oleh tindak balas alergi yang teruk, misalnya kesukaran bernafas atau tindak balas kulit yang serius, anda mestilah berjumpa doktor dengan segera.

Doktor anda berbincang tentang rawatan anda dari semasa ke semasa. Penting agar anda menggunakan dos terendah yang boleh mengawal rasa sakit anda. FORSANEC tablet boleh meninggikan tekanan darah pada sesetengah orang, terutamanya dengan dos yang tinggi, dan ini boleh meningkatkan risiko mendapat serangan jantung dan strok. Doktor akan memeriksa tekanan darah anda dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa rawatan masih selamat diteruskan.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan kongsi FORSANEC tablet dengan orang lain kerana ubat ini dipreskripsikan hanya untuk anda khususnya. Jangan makan FORSANEC tablet lebih lama daripada perlu. Ini kerana risiko mendapat serangan jantung dan strok mungkin akan meningkat selepas tempoh yang panjang, terutamanya sekali dengan dos yang tinggi.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera: Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan jentera sehinggalah anda tahu kesan FORSANEC terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Mana-mana ubat pun boleh memberikan kesan yang tidak dimaksudkan atau yang tidak diingini, yang digelar kesan sampingan. Sama seperti semua ubat preskripsi yang lain, FORSANEC tablet juga boleh menyebabkan kesan sampingan.

Antara kesan sampingan yang dilaporkan dalam kajian ialah:

- Pening.
- Bengkak pada betis dan/atau kaki.
- Lemah badan dan lesu.
- Tekanan darah tinggi.
- Loya.
- Pedih hulu hati.
- Sakit perut.
- Sakit kepala.
- Soket gigi yang kering (radang dan sakit selepas gigi dicabut).

Kesan sampingan tambahan adalah:

- Tindak balas alergi (alahan) (yang mungkin cukup serius sehingga perlu segera dirawat) termasuk bengkak pada muka, bibir, lidah dan/atau tekak, yang boleh menyukarkan pesakit bernafas atau menelan, nafas berhedit, ruam, gatal-gatal dan gejala (kelopak garam).
- Kulit menjadi merah-merah.
- Tindak balas kulit yang teruk, yang mungkin berlaku tanpa amaran.
- Perubahan pada rasa lidah.
- Ritma jantung yang abnormal.
- Kegagalan jantung.
- Palpitasi (debaran jantung).
- Dada berasa sempit, tertekan atau berat.
- Sakit perut.

FORSANEC 60mg (Etoricoxib Film-Coated Tablets)

FORSANEC 90mg (Etoricoxib Film-Coated Tablets)

FORSANEC 120mg (Etoricoxib Film-Coated Tablets)

Etoricoxib (60 mg, 90 mg & 120 mg)

- Ulser didalam perut yang boleh menjadi serius dan berdarah, dan boleh berlaku pada bila-bila masa apabila menggunakannya, tanpa amaran.
- Muntah-muntah.
- Masalah hati termasuk kegagalan hati, kulit dan mata menjadi kuning (jaundis).
- Masalah ginjal (buah pinggang) yang serius.
- Aras kalium yang tinggi didalam darah.
- Insomnia (susah tidur).
- Keresahan.
- Kemurungan.
- Keresahan.
- Mengantuk.
- Ulser didalam mulut.
- Cirit-birit.
- Peningkatan tekanan darah yang teruk.
- Keliru.
- Halusinasi.
- Platelet berkurang.
- Penglihatan kabur.

Dalam kajian klinikal, risiko pengguna FORSANEC tablet mendapat ulser lebih rendah berbanding dengan pengguna NSAIDs. Kesan sampingan yang lain juga boleh sekali-sekala berlaku, dan sama seperti mana-mana ubat preskripsi yang lain, sesetengah daripadanya mungkin serius. Tanyalah doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan maklumat selanjutnya. Mereka ada senarai kesan sampingan yang lebih lengkap. Beritahulah doktor atau ahli farmasi dengan segera tentang gejala ini atau tentang apa-apa gejala lain yang luar biasa.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers

ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers*→*Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]

Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Jauhkan ubat ini daripada capaian kanak-kanak. Simpan dibawah suhu 30°C. Simpan dalam bungkusan yang asal untuk melindungi dari cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

FORSANEC 60mg: Tablet berbentuk bujur, putih hingga keputihan, dwicembung, bersalut dengan garis pematah pada satu belah dan kosong pada belah yang lain.

FORSANEC 90mg: Tablet berbentuk bulat, putih hingga keputihan, dwicembung, bersalut dan kosong pada dua-dua belah. Diameter tablet ialah 9.60mm ± 0.2mm.

FORSANEC 120mg: Tablet berbentuk bulat, putih hingga keputihan, dwicembung, bersalut dan kosong pada dua-dua belah.

Diameter tablet ialah 11.10mm ± 0.2mm.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Etoricoxib
- Bahan tidak aktif
Microcrystalline cellulose, Anhydrous dicalcium phosphate, Croscarmellose sodium, Colloidal silicon dioxide, Magnesium stearate, Opadry II white 31G58920

-Nombor MAL

FORSANEC 60mg:
MALXXXXXXXXAZ

FORSANEC 90mg:
MALXXXXXXXXAZ

FORSANEC 120mg:
MALXXXXXXXXAZ

Pengilang

Kusum Healthcare Pvt Ltd.
Plot No. M-3, Indore Special Economic Zone, Phase II, Pithampur, Distt. Dhar, Madhya Pradesh, PIN 454774, India

Pemegang Pendaftaran Produk

Synerrv Sdn. Bhd.
SO-29-2, Menara 1, KL Eco City, Jalan Bangsar, Kg. Haji Abdullah Hukum, 59200 Bangsar, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

-08/05/2024

Nombor Siri

NPRA(R2) 23/144